

SEJARAH KEMASUKAN DAN PERKEMBANGAN ORIENTALISME DI MALAYSIA : SATU TINJAUAN RINGKAS

Oleh: Hilaluddin Abdullah*

Abstrak

Orientalisme merupakan pemahaman dan pemikiran para Orientalis Barat terhadap hasil kajian yang dilakukan ke atas dunia Timur Islam dalam semua bidang kehidupan dan agama. Pemikiran-pemikiran ini bertujuan memalingkan pandang orang Islam supaya berkiblat ke Barat. Gerakan Orientalis sangat berhubung rapat dengan penjajahan di Malaysia yang terdiri daripada orang-orang Portugis, Belanda dan Inggeris. Mereka mengutip maklumat-maklumat berupa kitab-kitab dan manuskrip kemudian diolah menjadi karya-karya yang berunsur fahaman Orientalis. Melalui karya-karya ini mereka menilai dan menghukum dengan sewenang-wenangnya. Sepatutnya kajian-kajian ini dilabelkan sebagai "bahan ilmiah" yang patut dinilai dan diadili semula.

Orientalism is the understanding and thinking of Western Orientalists on the study on every aspect of life and religion of Eastern Islamic World. These thoughts are supposed to influence the Muslims views towards the Western. Orientalist movement was related to colonization of Malaysia by the Portuguese, Dutch, and English. They collated information from books and manuscripts to be adapted resultius in written materials with aorientalist influence. Through these written materials, they judged and penalised at will Orientalist. The research that labelled as "academic research" is supposed to be re-evaluated and judged accordingly.

الاستشراق نتاج من فهم المستشرقين الغربيين وأفكارهم من خلال الدراسات التي عملوها في العالم الإسلامي الشرقي من جميع نواحي الحياة والدين. وتلك الأفكار تهدف إلى إبعاد المسلمين عن دينهم ودعوتهم إلى التوجه نحو الغرب. وكانت حركة الاستشراق علاقة بالمستعمرين في ماليزيا أمثال البرتغاليين أو الهولنديين والبريطانيين. وجمع هؤلاء المستعمرون المعلومات من الكتب والمخطوطات ثم ألفوا المؤلفات على منهجهم الاستشراقي في الكلام عن قضايا الإسلام بسونية وبدون مبالاة. لذا يجب أن تخضع دراسات المستشرقين للنقد والتقييم بطريقة عملية.

*Pensyarah di Jabatan ad-Dakwah wal Qiadah KIAS

Pengertian Orientalisme

Orientalisme berasal dari kata "orient" yang bererti "timur".¹ Perkataan ini berasal dari Bahasa Perancis yang kemudiannya dipergunakan dalam berbagai bahasa di Eropah termasuk Bahasa Inggeris.² Oriental adalah kata sifat yang bermakna "sesuatu yang bersifat ketimuran".³ Pertambahan kata "isme" (Belanda) : "Ism" (Inggeris) menunjukkan suatu faham, aliran pemikiran, ajaran atau amalan.⁴ Lawan "orient" ialah "occident" yang bererti "barat".⁵ Terjemahan Arabnya ialah al-Istishraq (الاستشراق) iaitu pengetahuan tentang semua bahasa, sastera dan ilmu-ilmu ketimuran.⁶

Mengikut "The Living Webster Encyclopedia Dictionary of The English Language", orientalisme ditakrifkan sebagai hal-hal yang bersifat ketimuran, iaitu keanehan dunia timur tentang ilmu pengetahuan dalam soal bahasa, kesusasteraan atau kebudayaannya.⁷

Manakala perkataan "orientalis" pula ialah orang yang mengkaji bahasa, kesenian dan hal-hal lain yang berhubungan dengan Negara Timur.⁸

Berdasarkan kepada takrif di atas menunjukkan bidang orientalisme serta ruang lingkupnya amat luas. Ia mencakupi bidang kaji purba (archeology), sejarah (history), bahasa (linguistics), agama (religion), kesusasteraan (literatures), keturunan (ethnology), kemasyarakatan (sociology), adat istiadat (custom), kekuasaan (politic), ekonomi (economy), kehidupan binatang dan tumbuhan (fauna dan flora) dan lain-lain bidang.⁹

Hasil kajian mengenai dunia Timur dalam seluruh semua aspek di atas yang kemudiannya dinilai dengan sewenang-wenangnya oleh barat dan seterusnya satu keputusan dibuat. Profesor Edward W. Said¹⁰ melalui penelitiannya terhadap pergerakan orientalisme telah menggaris makna orientalisme kepada suatu ilmu tentang Timur untuk berurusan dengannya, di mana ia diletakkan di satu tahap untuk di analisis, dikenakan hukuman yang bertujuan menguasai umat Islam.¹¹

Sebagai orang Islam, sememangnya tidak mencukupi sekadar kita mengetahui takrif-takrif yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana bukan Islam. Kita berkewajipan mengkaji pandangan-pandangan mereka dan menilainya menurut kaca mata Islam. Demi untuk mengorak langkah ke arah itu, penulis cuba membuat satu pendekatan bagi menyingkap hakikat sebenar orientalisme. Pendekatan pertama dilihat dari sudut penggunaan istilah Timur dalam tulisan-tulisan orientalis Barat. Timur menurut mereka mempunyai pengertian yang tersendiri dan bukan bersifat umum. Malik bin

Nabi¹² ketika mentafsirkan istilah Timur yang sering digunakan oleh orientalis Arnold Toynbee¹³ dalam tulisannya menyatakan bahawa Timur bagi mereka ialah Timur Islam bermula dari Tanah di sebelah Barat hingga ke Jakarta di sebelah Timur.¹⁴ Hampir keseluruhan negeri-negeri Islam terletak di benua Asia dan Afrika.¹⁵ Istilah "Barat" pula bermaksud benua Eropah dan kemudiannya mencakupi benua Amerika setelah benua baru itu diterokai oleh Christopher Colombus pada tahun 1493.¹⁶

Pendekatan seterusnya dilihat dari segi objek orientalisme dan sebab wujudnya istilah Timur dan Barat. Seperti mana yang tersebar luas di dunia Islam atau di dalam tulisan-tulisan orientalis Barat, orientalisme sebahagian besarnya ditumpukan kepada kajian-kajian Barat tentang Timur Islam dalam seluruh bidang seperti bahasa, sastera, sejarah, akidah, perundangan dan lain-lain lagi.¹⁷ Sebab lahirnya dua istilah tadi adalah berpunca dari rasa bangga dan angkuh orang-orang Barat dengan tamadun dan peradabannya. Seolah-olah mereka merasa bebas dari ikatan sebagai satu bangsa lalu dibuat dua pembahagian iaitu Barat dan Timur. Seruan ke arah itu amat jelas dari tulisan seorang penyair terkenal berbangsa Inggeris (Rudyard Kipling) :

"Timur tetap Timur dan Barat tetap Barat. Tidak mungkin kedua-duanya akan bertemu".

Istilah-istilah yang menyebabkan orang-orang Timur merasai diri mereka berada di satu pihak iaitu Timur yang sedang berdepan dengan pihak Barat. Sekiranya orang-orang Barat membuang keangkuhan mereka nescaya akan lenyaplah dua istilah ini.¹⁸

Memandangkan kepada orientalisme yang hanya bukan berbentuk kajian ilmiah semata-mata, malah mengandungi matlamat dan tujuan yang tersembunyi di sebalik pengertian umumnya, maka Ustaz Abdul Karim Yunus al-Khatib¹⁹ mentakrifkannya sebagai sebuah pergerakan yang lahir di zaman ini, pada umumnya ia berlabelkan ilmu iaitu mengkaji peninggalan-peninggalan Timur Islam terutamanya dalam soal akidah dan peradaban, akan tetapi hakikat yang sebenarnya ialah mengenal pasti sumber peninggalan tersebut bertujuan mengalih pandangan ahlinya supaya berkiblat ke Barat dan mendewa-dewakan peradaban mereka.²⁰ Manakala Anwar al-Jundi²¹ pula mentakrifkan orientalis dengan khidmat-khidmat ilmiah bermotifkan politik kerana erat hubungan dengan penjajahan.²²

Seterusnya Anwar al-Jundi menjelaskan takrif orientalis sebagai satu golongan manusia yang dilatih oleh penjajah khususnya dalam bidang ilmu pengetahuan yang bertujuan memperalatkan mereka untuk menghancurkan Islam. Cara yang paling berkesan mereka bergerak ialah menutupi kebenaran

dengan kebatilan dan menjalankan penipuan melalui penyelewengan fakta yang secara jelas menampakkan kecacatan pengetahuan mereka sendiri.²³

Malik bin Nabi pula mengkhususkan takrif orientalis kepada penulis-penulis Barat (sama ada dari golongan Yahudi, Kristian atau Ateis dan lain-lain) yang menulis mengenai pemikiran Islam dan peradabannya.²⁴

Kesimpulannya, terdapat satu pertarungan antara orientalisme dan Islam. Pengertian dari sudut bahasanya tidak dapat menjadi tali ukur untuk menggambarkan pertarungan tersebut. Namun jelas jika dilihat dari pandangan-pandangan sarjana Islam menampakkan ia adalah suatu serangan pemikiran yang melanda dunia Timur Islam. Hal ini dapat dibuktikan melalui perkembangan sejarah dan pergerakan orientalisme itu sendiri.

Orientalisme dan Penjajahan

Amat sukar untuk dipisahkan antara Orientalisme dan penjajahan kerana kedua-duanya mempunyai hubungan yang erat dan saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Bahkan penjajahan itu sendiri telah melahirkan ramai golongan orientalis.²⁵

Walau bagaimanapun, kedua-duanya dicetuskan oleh semangat salibiyah (Perang Salib) dan kebencian terhadap pengaruh Kerajaan Islam Othmaniyyah Turki.²⁶ Penjajahan dan Orientalisme ke atas dunia Islam dan termasuk Kepulauan Melayu bermula selepas Barat menguasai jalan-jalan laut. Setelah dirasakan pengaruh mereka mulai kuat, Barat akhirnya menyusun strategi untuk menyerang balas dan memukul Islam.²⁷ Kenyataan ini jelas dari kata-kata orientalis Arnold Tonybee:

"Setelah menguasai lautan pada akhir-akhir abad ke-16, Barat telah berjaya melemparkan jerat ke tengkuk Islam. Namun begitu, hanyalah pada abad ke-19 barulah mereka berani menarik jerat itu sekuat-kuatnya."

Penjajahan dan perkembangan Orientalisme di Tanah Melayu bermula secara langsung apabila Portugis menguasai Melaka (1511). Melaka kemudiannya diambil alih oleh Belanda pada tahun 1641.²⁸ Pada tahun 1874, Inggeris mulai campur tangan dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu yang membuka pintu seluas-luasnya kepada pergerakan Orientalisme.

Kedatangan Portugis ke Tanah Melayu dan Matlamatnya

Setelah Constantinople (1453)²⁹ jatuh ke tangan Kerajaan Islam Othmaniyyah Turki, bandar Venice masih lagi dibuka untuk peniaga-peniaga Barat.³⁰ Tetapi malangnya keistimewaan ini dipandang sepi oleh peniaga-peniaga Portugis. Menurut ahli sejarah Belanda, Bertram Schrieke, keadaan ini wujud bukanlah semata-mata akibat dari krisis perniagaan, akan tetapi ia lebih bersifat krisis agama.³¹ Nyata sekali kebencian Portugis terhadap perkembangan Islam di Barat mendesak mereka untuk menjalankan penerokaan-penerokaan ke atas negara-negara Islam. Semangat salibiyyah telah dikobarkan sendiri oleh Raja Portugal Putera Henry.³²

Semangat Salibiyyah ini terus ditanam oleh Alfonso d'Albuquerque yang menjadi wakil Raja pada tahun 1509. Ini dapat dilihat dari ucapannya sebelum penaklukan Melaka:

*"Perkara pertama yang merupakan satu kebidmat besar yang nantinya kita akan kemukakan kepada 'Tuhan', bila kita berjaya mengusir orang-orang Islam dari negeri ini (Melaka) dan memadam semangat pengikut-pengikut Muhammad yang tidak mungkin selepas ini mereka akan bangkit selama-lamanya!!! Saya begitu yakin untuk menjayakan cita-cita ini. Apabila kita mampu untuk sampai ke tahap itu, nescaya orang-orang Islam akan menyerahkan India seluruhnya kepada kita; Hampir keseluruhan orang Islam – mungkin juga semuanya – bergantung pencarian hidup mereka kepada negeri Melaka. Sesungguhnya mereka mengaut keuntungan di mana sekarang mereka menjadi pemilik-pemilik harta kekayaan yang banyak. Melaka adalah markas mereka. Dari sinilah mereka mengangkut rempah-rempah dan ubat-ubatan ke negeri-negeri mereka setiap tahun tanpa kita berupaya menegah mereka. Apabila kita berjaya menyekat mereka dari pasar lama ini, nescaya tidak akan ada satu pelabuhan atau perhentian pun yang sesuai lagi di rantai ini untuk mereka meneruskan perniagaan. Sekali lagi saya tegaskan kepada kamu, apabila kita berjaya merampas Melaka dari tangan mereka, pastilah bandar Qahirah akan jatuh...dan selepas itu...akan jatuh pula kota Mekah untuk selama-lamanya."*³³

Pada 25hb. Julai 1511, Albuquerque telah berjaya mengejar cita-citanya dengan merampas Melaka dari Sultan Mahmud.³⁴ Keganasan Albuquerque yang berasaskan fanatik keagamaan jelas kelihatan apabila dia mengarahkan supaya *masjid dirobohkan dan gereja segera didirikan di dalam benteng Melaka. Batu-batu untuk mendirikan gereja itu diambil dari runtuhannya masjid serta makam-makam sultan.*³⁵

Dengan bertapaknya Portugis di Melaka, maka pengaruh Kerajaan Islam Othmaniyyah Turki di rantau ini sudah dapat dibendung. Kesultanan Islam Aceh Dar al-Salam amat mengerti sekali bahawa kedatangan Portugis mempunyai pertalian erat dengan kemenangan Kerajaan Islam Othmaniyyah Turki menawan Constantinople. Oleh itu segera diadakan hubungan dengan Kerajaan Islam Othmaniyyah Turki dalam menguatkan soal-soal ketenteraan. Bahkan ia mendapat pengiktirafan sebagai "Serambi Mekah" yang berkewajipan menjalankan gerakan jihad menentang "kafir" Portugis.³⁶

Portugis dan Orientalisme di Tanah Melayu

Kajian-kajian mengenai Kepulauan Melayu sebenarnya telah dimulakan sebelum sampainya Portugis di Melaka. Orang-orang Portugis telah mengupah pedagang-pedagang Yahudi di Andalus (Sepanyol) untuk mengumpul maklumat awal bagi memudahkan pelayaran mereka ke sini. Pedagang-pedagang Yahudi itu diketuai oleh alFonso de Pavia yang menyamar diri sebagai pedagang Portugis sambil mengintip rahsia. Manakala kumpulan lain pula berpura-pura mengaku Islam dan setengah mereka telah sampai ke India sebelum tibanya Vasco da Gama. Mereka kemudiannya kembali ke Portugal untuk menyerahkan maklumat-maklumat yang diperoleh.³⁷

Apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis, banyak maklumat-maklumat yang berupa manuskrip-manuskrip Melayu telah dirampas oleh mereka. Manuskrip-manuskrip ini tidak dapat diselamatkan oleh Sultan Mahmud dan pembesar-pembesar Melaka kerana masing-masing mengutamakan keselamatan diri, kehormatan dan harta benda.³⁸ Berkemungkinan besar manuskrip-manuskrip ini mendedahkan kehidupan orang-orang Melayu dan Kepulauan Melayu amnya. Dengan cara ini, mereka dapat menjimatkan masa pengkajian kerana kebanyakan maklumat sudah terkumpul.

Orientalis Portugis yang banyak menceburkan diri dalam bidang ini antaranya ialah Tome Pires. Bukunya yang terkenal hasil daripada penyelidikan semasa di Melaka ialah "Suma Oriental". Buku ini ditulis antara

tahun 1512 dan 1515.³⁹ Antara lain Tome Pires menulis mengenai Melaka sebagai berikut:

"Orang tidak dapat mentaksirkan nilai Melaka kerana kebesaran dan keuntungannya, dia ialah sebuah bandar yang telah dibina untuk barang dagangan, lebih baik dari sebarang bandar di dunia".

Kemudian dia menulis lagi :

"Sesiapa yang menjadi tuan di Melaka tangannya adalah terletak di leher Venice".

Godinho d'Eridea (1613) pula telah mengkaji kesan-kesan sejarah di Melaka. Ia mengkaji kubur Beraksara dan persekitarannya. Kubur ini terletak di puncak bukit di Tanjung Tuan (Cape Rachodo). Ia juga mengkaji sebuah istana raja yang diperbuat daripada batu-belah di Telok Emas serta kolam tempat bersiram anak-anak raja yang dibina daripada marmar.⁴⁰ Di dalam buku karangan Godinho d'Eridea, terdapat sebuah peta di mana ditunjukkan kawasan Rembau, Johol, Jempul, Seriting dan Penarekan. Peta itu juga menunjukkan gambaran kasar sebahagian daripada sungai Pahang.⁴¹ Manakala Couto dalam bukunya "Da Asia" telah mengisahkan sejarah kemasukan orang-orang Minangkabau dari Sumatera ke Negeri Sembilan sejak abad ke -16 lagi (1500-1600).⁴²

Penjajah-penjajah Portugis juga telah memungghah khazanah-khazanah Melayu ke Barat. Alfonso d'Albuquerque sendiri telah berusaha gigih mengumpulkan khazanah-khazanah tersebut semasa ia di Melaka. Tetapi sayangnya, himpunan khazanah-khazanah Melayu yang dibawa dengan kapal tenggelam di dalam laut dan Albuquerque sendiri hampir-hampir menemui maut tetapi ia sempat menyelamatkan diri.⁴³

Gerakan Orientalisme yang dijalankan oleh Portugis bukan sekadar itu sahaja, bahkan mereka telah menyusun strategi dengan mengirim missionaris-missionaris Kristian. St. Francis Xavier yang dianggap sebagai pahlawan serta tokoh aliran katolik telah diberi tugas tersebut. Ia bernafsu besar untuk mengkristiankan Melaka ketika ia sampai di sana pada bulan September 1545. Tidak berhenti-henti ia berkhotbah di gereja, berjalan di merata-rata lorong di bandar Melaka pada malam hari untuk mengampuni dosa ruh-ruh dan sekali gus "menjual pengampunan dosa" serta menganjurkan "makan malam Bani Isa". Berapa ramai kanak-kanak telah diajar iktikad Kristian. St. Francis Xavier juga menterjemah risalah-risalah iktikad Kristian, bacaan pengakuan dosa, doa sembahyang dan sembahyang

Siti Maryam. Ia juga cuba menterjemah beberapa bacaan sembahyang aliran Katholik serta hukum sepuluh yang diturunkan kepada Nabi Musa.⁴⁴

Demikianlah peranan yang dimainkan oleh kegiatan Orientalisme yang telah dilancarkan oleh Portugal. Selepas itu disusuli pula oleh Belanda yang lebih menonjol permusuhan terhadap Islam dengan segala perancangan jahat mereka. Meskipun kawasan operasi mereka menyeluruh di kepulauan Melayu, namun Tanah Melayu tidak lepas lari dari sasaran mereka.

Kedatangan Belanda ke Tanah Melayu dan Tujuannya.

Seperti Portugal juga, Belanda datang ke negeri-negeri Islam termasuklah Tanah Melayu adalah didorong oleh semangat salibiyyah.⁴⁵ Semangat salibiyyah ini ditambah pula dengan krisis dalaman yang berlaku di Barat antara Belanda dan Sepanyol. Belanda yang beraliran Protestan mahu berpisah dari Sepanyol yang beraliran Katholik. Sehingga menyebabkan raja Sepanyol memberi beberapa amaran keras untuk memutuskan perniagaan dengan bangsa Belanda.⁴⁶ Suasana tegang ini berakhir dengan penutupan Lisbon kepada pedagang-pedagang Belanda apabila Portugal dan Sepanyol dicantumkan oleh Raja Philip II pada tahun 1580.⁴⁷

Bagi menyelamatkan keadaan, Belanda berusaha mencari jalan untuk sampai ke kepulauan Melayu. Melalui perancangan yang bijak, Belanda telah menubuhkan Syarikat India Timur (V.O.C) pada tahun 1600 guna memudahkan proses penjajahan.⁴⁸ Penjajahan inilah yang dikira satu-satunya cara untuk menguasai dunia Islam dan menceraikan-beraikan negeri-negeri di bawah naungan Kerajaan Islam Othmaniyyah Turki.⁴⁹

Pada bulan Januari 1641, Belanda telah berjaya menduduki Melaka apabila Portugis dikalahkan melalui percubaan-percubaan yang bukan sedikit.⁵⁰ Pemerintahan Belanda berlanjutan sehingga tahun 1824. Pada tahun itu termeterainya Perjanjian British-Belanda di mana Belanda terpaksa menyerahkan Melaka kepada Inggeris.⁵¹

Belanda dan Orientalisme Di Tanah Melayu

Penjajah Belanda memulakan operasi Orientalismenya apabila rahsia perjalanan ke kepulauan Melayu didapati dari Plancius, seorang pendeta yang menerima secara rahsia dari seorang bangsa Sepanyol. Hal ini mengobarkan semangat mereka sehingga dilukis peta-peta perjalanan ke Kepulauan Melayu. Lahirnya buku "Interario" yang membicarakan perihal

adat-istiadat dan suasana pengalaman penulisnya Huyghan Van Linchoten sewaktu di Goa bersama Portugis telah menjadi panduan kerajaan Belanda. Kerajaan Belanda telah mencetak buku ini pada tahun 1596 dan diedarkan secara terbatas. Kajian-kajian awal lain dihimpunkan oleh Cornelius de Houtman yang didapatinya dari Lisbon. Ia kemudiannya belayar menuju ke kepulauan Melayu pada bulan April 1595.⁵²

Selepas menawan Melaka, Belanda telah mengadakan perhubungan dengan negeri Perak, Kedah, Ujong Salang, Nanning, Rembau dan Johor.⁵³ Kerakusan mereka mulai nampak apabila diadakan gerakan mengumpul manuskrip-manuskrip lama dan kitab-kitab bahasa Melayu. Bapa Abdullah Munsyi telah diberi tugas untuk tujuan ini sebagaimana yang tercatat di dalam buku "Hikayat Abdullah" :

".....sedikit hari lagi datanglah perintah dari Betawi iaitu daripada secretaries government ke Melaka, menyuruh bapaku pergi ke Riau dan Lingga, Pahang, Trengganu dan Kelantan, akan menchari kitab-kitab bahasa Melayu, serta menjadi utusan kepada raja-raja Melayu itu, serta membawa surat daripada raja Timmerman Tijssen; serta pula ada tuan raja muda membekalkan wang lima ratus ringgit pergi dengan sebuah perahu layar bendera Belanda. Maka pergilah bapaku kepada segala negeri-negeri yang tersebut itu, dan ada yang dapat raja-raja itu memberikan hadiah sahaja dengan tiada berharga, dan ada yang diupahkan oleh bapaku menyalin hikayat-hikayat dan kitab-kitab itu. Maka dengan hal yang demikian adalah kira-kira dapat enam puluh jilid kitab-kitab itu berbagai-bagai namanya dan jenisnya."⁵⁴

Usaha-usaha mengumpulkan manuskrip-manuskrip ini mempunyai jalinan erat dengan dunia Barat. Ia merupakan salah satu kegiatan Orientalisme mereka di Kepulauan Melayu. Jelas terbayang kekhawatiran pihak Belanda terhadap hubungan umat Islam di Kepulauan Melayu dengan ulama' Kerajaan Islam Othmaniyyah Turki, di mana hubungan ini digambarkan oleh Belanda seperti hubungan Katholik dengan Paus di Rom.⁵⁵ Tercatat di dalam sejarah, bahawa kedutaan-kedutaan Kerajaan Islam Othmaniyyah Turki telah berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan sultan mereka sebagai khalifah Islam di mana negeri-negeri di Kepulauan Melayu turut menganggotai kerajaan Islam ini.⁵⁶ Perkembangan ini menimbulkan bahaya kepada pihak Belanda dan jika ianya berterusan, tentunya umat Islam akan bangkit menentang mereka.⁵⁷

Untuk mengatasi masalah ini, kajian-kajian kawasan telah dilancarkan. Peranan ini dipegang oleh seorang orientalis besar Belanda yang bernama Snouck Hugronje. Ia adalah seorang yang pakar dalam bahasa Arab dan pernah menjadi guru bahasa Arab di Betawi (Jakarta) dan kemudiannya di Laiden (1907-1927). Bidang lain yang dikuasainya ialah bidang fiqh Islam, Usul, Hadith dan Tafsir. Ia banyak sekali mengarang buku-buku mengenai Islam. Sasaran kajiannya dimulai di daerah-daerah jajahan Belanda dan kemudiannya beralih pula ke kota Mekah. Selama 17 tahun ia berada di Kepulauan Melayu serta berganding bahu dengan pemerintah Belanda dalam usaha mencari titik-titik kelemahan umat Islam. Dalam tahun 1884, ia mulai pula menjalani operasi di Mekah secara menyamar. Ia menggunakan nama Abdul Ghaffar dan berjaya tinggal di Suq al-Lail, Mekah selama 5 bulan.⁵⁸

Rumusan yang dibuat oleh Snouck Hugronje hasil dari kajiannya ialah ibadat haji itulah satu-satunya punca penyatuan umat Islam dan juga sebab berlakunya penentangan mereka di Kepulauan Melayu terhadap kuasa Belanda. Umat Islam penuh yakin bahawa itu adalah gerakan "jihad". Lalu Snouck Hugronje menyarankan agar Belanda segera memasang radar untuk mengawasi gerak-geri umat Islam dan melarang mereka naik haji.⁵⁹ Snouck Hugronje juga dianggap orang yang paling tahu mengenai catatan-catatan yang berhubungan dengan koleksi manuskrip-manuskrip Melayu yang tersimpan di perpustakaan Berlin.⁶⁰ Di Belanda sendiri banyak tersimpan naskhah-naskhah asal kesusasteraan Melayu di dalam perpustakaan seperti di Laiden, Hague dan Amsterdam.⁶¹ Keghairahan Belanda terhadap kajian Timur Islam telah meletakkan negeri itu sebagai Pusat Orientalisme dunia yang terkenal.⁶² Werndly, seorang orientalis Belanda yang pakar dalam bahasa Melayu telah menyusun daftar buku-buku Melayu yang telah dicetak di Amsterdam dalam tahun 1736. Daftar itu mengandungi nama-nama 69 buah hikayat, kitab-kitab agama Islam dan sebagainya.⁶³ Harmanus Neubronner Van den Tuuk juga seorang orientalis Belanda yang tahu selok-belok bahasa Melayu. Ia diperanakan di Melaka dan tinggal di Melaka sehingga tahun 1894. Orientalis ini dianggap orang mula-mula yang meletakkan sejarah bahasa Melayu dengan membuat perbandingan dengan bahasa yang serumpun dengannya. Ia kemudiannya berjaya mendaftar semua surat-surat dan kitab-kitab Melayu tulisan tangan yang tersimpan di persimpangan East India Company (Syarikat India Timur) dan juga yang ada dalam perhimpunan kitab-kitab "Royal Asiatic Society".⁶⁴

Dalam apa bentuk, orientalis-orientalis Belanda yang datang selepas Snouck Hugronje telah terpengaruh oleh kesan pemikirannya. Soal memperkecil-

kecilkan agama Islam dan peranannya dalam sejarah Kepulauan Melayu amat jelas dalam semua tulisan mereka.⁶⁵

Kedatangan Inggeris Ke Tanah Melayu

Di sekitar tahun 1684 sehingga tahun 1818 telah wujud usaha yang berterusan dari pihak Inggeris untuk menumbangkan Kerajaan Islam Othmaniyyah Turki.⁶⁶ Sebab agama ini disusuli pula oleh krisis ekonomi yang menimpa Inggeris di Barat. Inggeris selepas abad ke-16 telah mengalami suasana hubungan yang buruk dengan Portugal dan Sepanyol. Perniagaan luar negeri Inggeris berada di dalam cengkaman Portugal dan Sepanyol. Hal ini memaksa Inggeris untuk belayar ke Kepulauan Melayu.⁶⁷ Walau bagaimanapun semangat salibiyah itulah yang menjadi pendorong utama mereka datang ke negeri-negeri Islam⁶⁸ termasuklah Tanah Melayu. Seperti juga Belanda, Inggeris telah menubuhkan Syarikat Hindia Timur (1612) untuk menyenangkan proses penjajahan.⁶⁹

Pada tahun 1786, seorang penjajah Inggeris bernama Francis Light telah dapat bertapak di Pulau Pinang.⁷⁰ Tiga puluh lapan tahun kemudiannya (1824), Melaka telah dimiliki oleh mereka apabila termeterainya Perjanjian Inggeris-Belanda.⁷¹ Seterusnya pada tahun 1874, Inggeris mulai campurtangan dalam urusan negeri-negeri Melayu. Residen-residen Inggeris telah dilantik di negeri Perak, Selangor, Sungai Ujong dan diperluaskan hingga ke Negeri Sembilan serta Pahang.⁷²

Pemerintahan Inggeris di Tanah Melayu mengambil jarak masa yang lama – terkecuali zaman pemerintahan Jepun (1942-1945) – sehinggalah ke tahun kemerdekaannya 1957.

Inggeris dan Orientalisme di Tanah Melayu

Maklumat-maklumat awal mengenai Kepulauan Melayu telah diperoleh Inggeris daripada orang-orang Portugis. Pada tahun 1587 dan 1592, mereka telah berjaya merompak kapal-kapal Portugis dan merampas sejumlah besar risalah yang mendedahkan gambaran-gambaran perniagaan, pentadbiran dan operasi Portugis di sebelah Timur.⁷³ Apabila buku "Itinerario" karangan Van Linschoter (1598) telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris, maka peluang untuk menuju ke Kepulauan Melayu semakin cerah.⁷⁴

Orientalis besar Inggeris yang paling banyak menyumbang khidmat kepada Lembaga Orientalisme di Eropah tentang kajian-kajian khas Tanah Melayu

ialah Stamford Raffles. Dia menjadi setiausaha kepada Syarikat Perniagaan Inggeris di India (East India Company) yang hidup sekitar tahun 1781-1826.⁷⁵

Orientalis Inggeris ini berjaya menjalankan tugas kerana mempunyai minat yang lebih tentang Tanah Melayu. Ia gemar sekali menyelidik perkara-perkara yang berhubungan dengan bahasa Melayu, kitab-kitab, adat resam sehinggalah kepada binatang dan pokok turut diselidik. Usaha penyelidikan ini dibantu oleh dua tiga orang pendeta Inggeris.⁷⁶ Stamford Raffles juga memperalatkan anak tempatan seperti Abdullah Munsyi untuk melicinkan lagi tugasnya itu. Keberkesanan juga berpunca dari kebodohan setengah-setengah orang Melayu sendiri kerana tidak mengetahui selok-belok perancangan orientalis-orientalis Barat. Abdullah Munsyi pernah menggambarkan pemikiran orang-orang Melayu Melaka di masa itu dengan katanya:

*"Maka beranlah orang-orang Melaka melibat pekerjaan orang demikian."*⁷⁷

Sikap mereka ditambah pula dengan pengaruh kebendaan yang kuat akibat dari mahukan upah tanpa memikirkan masa depan orang-orang Islam. Stamford Raffles dalam usahanya mengumpul catatan-catatan maklumat, telah mengupah orang-orang Melayu untuk mengutip kitab-kitab tulisan tangan dan hikayat-hikayat Melayu. Hasilnya ratusan jenis bahan-bahan bertulis tadi berjaya dikumpulkan dari segenap ceruk rantau dari beberapa zaman sebelumnya. Ianya dibeli dengan harga yang lumayan.⁷⁸

Selain itu Raffles juga mengadakan kajian-kajian alam sekitar. Ia mengupah orang mencari semua jenis daun, bunga, cendawan dan lumut. Ada yang diupah mencari semua jenis ulat, belalang, kupu-kupu, kumbang, riang-riang, lipan dan kala jengking. Ada juga yang menerima upah untuk mengumpul jenis-jenis siput, kerang, kepah, lokan, tiram dan remis. Kemudian yang lain pula diupah untuk menangkap binatang-binatang liar seperti ayam hutan, burung-burung, rusa, kijang, pelanduk, kancil dan sebagainya.⁷⁹ Kesemua maklumat kajian Tanah Melayu dan sekitarnya yang dapat dibawa balik, dihantar oleh Raffles ke Eropah guna memenuhi perpustakaan dan muzium di sana.

Abdullah Munsyi telah mengisahkan detik-detik perpisahan khazanah ini dengan katanya:

".....Maka segala kitab yang berjilid sahaja adalah kira-kira tiga ratus, maka lain daripada yang berjilid

dan lain daripada yang bercherai-cherai, dan yang bergulung dan yang berhelai-helai, maka penohlah tiga buah peti kulit panjang-panjang sa-depa dengan kitab-kitab Melayu sahaja. Maka kemudian daripada itu, dua peti dimuatkan surat-surat dan kitab-kitab Jawa dan Bali dan Bugis,.....maka lain pula ada beberapa jenis binatang-binatang yang telah dibuang isi dan tulangnya, maka diisinya dengan kapas dalamnya. Maka kelihatan rupanya seperti binatang hidup sungguh juga adanya. Dan lagi ada tiga peti yang berisi burung-burung beribu-ribu jenis yang diperbuatnya bagi yang tersebut itu juga dan lain lagi pula ada beberapa ratus botol besar kecil dan panjang pendek yang berisi dengan ular-ular dan lipan, kala dan ulat-ulat, dan sebagainya. Maka sekaliannya botol-botol itu diisinya dengan gin, iaitu akan memelihara daripada busok. Maka rupanya binatang-binatang itu seperti hidup juga adanya, dan lagi ada dua peti berisi dengan karang-karangan, iaitu daripada beribu-ribu jenis siput dan kerang dan remis yang berbagai-bagai rupanya."⁸⁰

Seterusnya orientalis yang terkenal juga ialah Captain Thomas John Newbold (1807-1850). Ia menerima anugerah peringkat F.R.S berpangkat kependetaan yang dikurniakan kepada orientalis yang banyak berjasa dalam kajian-kajian Orientalisme, dalam ahli dan persekutuan pendeta-pendeta negeri Inggeris yang bergelar "Royal Society". Selama tiga tahun di Melaka (1832-1835) ia belajar bahasa Melayu dengan Abdullah Munsyi sehingga membolehkannya untuk mengarang buku bertajuk "Jajahan-jajahan Takluk British di Selat Melaka" yang berguna sekali kepada para pengkaji sehingga ke hari ini.⁸¹

Antara orientalis-orientalis Inggeris yang berjawatan tinggi dalam pentadbiran Inggeris ialah James Low⁸², Sir William Edward Maxwell⁸³, Sir Clifford dan Sir Frank Swettenham⁸⁴ yang memegang anugerah Pingat Pahlawan Tertinggi Salib St. Michael dan St. George (G.C.M.G).⁸⁵ Sememangnya orientalis-orientalis Inggeris sebahagiannya terdiri dari kalangan paderi Kristian seperti W.G. Shellabear, R.J. Wilkinson⁸⁶ yang menerima anugerah Kerabat St. Michael dan St. George, Britain (C.M.G)⁸⁷ dan R.O. Winstedt.⁸⁸ R.O. Winstedt adalah pemegang beberapa buah pingat seperti Anugerah Komando Satria dari Jajahan British (K.B.E), Anugerah Kerabat St. Michael dan St. George (C.M.G) dan Pingat Akademik British (F.B.A). Jika dilihat dari latar belakang mereka, sesungguhnya tugas Orientalisme dipegang oleh golongan yang berpelajaran tinggi seperti R.O

Winstedt. Ia mendapat gelaran doktor dalam bidang persuratan dan sastera Universiti Oxford (d. litt (Oxon) dan bidang undang-undang (LL.D (Malaya). Ia juga memegang peranan guru bahasa di Universiti London.⁸⁹

Berbeza dengan Portugis dan Belanda, Inggeris telah menerapkan faham Orientalisme melalui sekolah-sekolah Inggeris yang ditubuhkan di negeri-negeri Melayu. Pada 21hb, Oktober 1816, paderi R.S. Hutchings telah berjaya mendirikan sebuah sekolah Inggeris yang pertama di Tanah Melayu, bahkan di Asia Tenggara bernama "Penang Free School". Sekolah ini menerima bantuan kewangan daripada Syarikat Hindia Timur serta sumbangan-sumbangan dari pihak gereja.⁹⁰ Dari sini, mulailah bercambahnya sekolah-sekolah Kristian yang dikendalikan oleh persatuan missionaris Kristian.⁹¹

Sebenarnya kajian-kajian yang menyentuh hal-hal Tanah Melayu mendatangkan keuntungan yang bukan sedikit kepada Inggeris. Mereka telah berjaya mereka-reka teori umpamanya tentang kedatangan agama Islam ke Kepulauan Melayu, penyebaran serta kesannya menurut kaca mata Orientalisme mereka. Sehingga lah sejarah Islam di Kepulauan ini, yang sebelum ini sudah suram, semakin suram akibat dilitupi oleh teori-teori dan dalil-dalil palsu tadi.⁹²

Penjajahan Inggeris yang panjang serta kajian-kajian Orientalisme mereka telah mengubah pemikiran generasi berikutnya. Kefahaman mereka terhadap Islam menjadi kabur.

Orientalis Dan Karya-karya Mereka Mengenai Tanah Melayu

Lembaga Orientalisme di Barat pada umumnya telah berjaya apabila terciptanya sejumlah besar karya mengenai Tanah Melayu oleh orientalis-orientalis Portugis, Belanda dan Inggeris. Karya-karya ini memenuhi ruang-ruang perpustakaan di Barat dan di Timur. Kepada pengkaji-pengkaji berikutnya, ia menjadi bahan rujukan penting tanpa menghitung kira penyelewengan fakta dan kesahihannya menurut apa yang sebenarnya berlaku.

Orientalis Portugis dan Karya-karya Mereka Mengenai Tanah Melayu

Braz D'Albuquerque

Ia adalah anak kandung Alfonso d'Albuquerque. Pada tahun 1557, bukunya yang berdasarkan surat-surat bapanya telah dicetak untuk kali pertamanya.

"Surat-surat Alfonso D'Albuquerque" mengandungi 7 jilid besar yang telah dikeluarkan oleh Academia Peal das Sciencias de Lisbod.⁹³

Tome Pires

Orientalis Portugis yang terkenal di mana karya-karyanya dianggap penting kerana ia menyaksikan sendiri peristiwa demi peristiwa sebaik-baik sahaja Portugis menguasai Melaka.⁹⁴

Antara bukunya yang terkenal ialah "Suma Oriental" yang dihasilkan antara tahun 1512-1515.⁹⁵

Fr. M. Texeira

Missionaris Kristian Portugis yang terkenal dan bertugas sebagai Paderi Kawasan di Gereja St. Joseph di Singapura selama 13 tahun. Ia juga seorang orientalis yang menguasai bidang sejarah. Sudah 47 buah buku sejarah telah diterbitkan olehnya, 14 daripadanya dalam jilid yang besar mengenai "Macau ca sua Diocese (Macau Dengan Kawasan-kawasan Gerejanya)".

Antara karya-karyanya dalam bahasa Inggeris seperti :

1. "Pengembangan Agama Portugis Di Melaka dan Singapura (1511-1614)" mengandungi 3 jilid.
2. "Dominicians yang Awal-awal Di Melaka (1511-1636)".⁹⁶

Dr. Thomaz (Luiz Felipe Reis)

Dr. Thomaz dan Fr. M. Texeira adalah penulis Portugis yang matang tentang sejarah Portugis-Melayu.

Antara karya-karyanya yang dihasilkan Dr. Thomaz ialah :

1. "Portugis Di Melaka (1511-1580)" dalam dua jilid.
2. "Dari Melaka ke Pegu (1512-1515)."
3. "Moluku ke Melaka."

Bukunya karyanya yang berjudul "Portugis Di Melaka" mendedahkan kisah Melaka sebelum Portugis, penemuan Melaka dan penaklukannya, cerita 34 Gabenor Portugis di Melaka dan suasana penduduknya. Ia juga mengandungi dokumen-dokumen tentang rakyat Melaka.⁹⁷

Orientalis Belanda dan Karya-karya Mereka Mengenai Tanah Melayu

Snouck Hugronje

Seorang orientalis Belanda yang berjasa besar, bukan kepada Universiti Leiden, bahkan kepada pemerintah Belanda dalam kajian-kajiannya di bidang agama Islam.⁹⁸

Antara karya-karyanya yang secara tidak langsung menghubungkan perkembangan Islam di Tanah Melayu ialah :

1. "Haji Ke Mekah" (Bahasa Belanda).
2. "Mekah dan Geografinya Pada Abad ke XIX (1889" dalam dua jilid. (Bahasa German).
3. "Perkembangan Islam Di Hindia Timur (1911)" (Bahasa Belanda).⁹⁹
4. "Acheh" (Bahasa Belanda).

Setelah menulis bukunya "De Atjehers (Acheh)", dia tidak lagi menulis buku-buku tebal kecuali beberapa makalah-makalah yang disiarkan dalam majalah-majalah.¹⁰⁰

W. P. Groenevelt

Orientalis Belanda yang berjaya membuat catatan tambahan terhadap "Catatan-catatan Tentang Kepulauan Melayu dan Melaka di pungut dari sumber-sumber Tionghoa". Ianya didapati di dalam T'oung Pao jilid VII, 1896, sebuah terbitan berkala ilmiah mengenai kajian-kajian tentang sejarah, bahasa, geografi dan bangsa-bangsa di Asia Timur.¹⁰¹

J. P. Heeves dan F. W. Stapel

Kedua-dua orientalis Belanda ini berjaya menghasilkan karya besar dalam 5 jilid tebal. Karya itu berjudul "Kumpulan Diplomatik Hindia Belanda: Himpunan persetujuan-persetujuan politik dan perjanjian-perjanjian lainnya yang dicapai oleh Belanda di Timur berserta hak-hak istimewa yang dijamin terhadap Belanda". (Den Haag 1907-1938).¹⁰²

R. A. Kern

Orientalis Belanda yang banyak membicarakan soal-soal yang berhubungan dengan agama Islam. Bukunya yang bertajuk "Penyebaran Agama Islam; termuat dalam Sejarah Hindia-Belanda." (Amsterdam, tahun 1938).¹⁰³

Orientalis Inggeris dan Karya-karya Mereka Mengenai Tanah Melayu

James Low

Seorang Majistret di Pulau Pinang sehingga tahun 1850. Ia adalah seorang penulis yang terkenal. James Low telah menterjemah hikayat "Sejarah Kedah (Hikayat Merong Mahawangsa)" ke dalam bahasa Inggeris. Karya-karya lainnya banyak menyentuh kesan-kesan lama yang terdapat di Seberang Prai.¹⁰⁴

Major Mac Nair

Dia adalah seorang pegawai tentera dan penulis Inggeris yang juga Bekas Pemangku Setiausaha Kerajaan dalam pentadbiran negeri-negeri Selat.

Antara buku-buku karyanya ialah :

1. "Orang-orang Salah Dalam Penjara Jadi Penjaga Sendiri." Buku ini menyentuh tentang peraturan dalam pembicaraan orang-orang salah di Negeri Selat di masa itu.
2. "Negeri Perak dan Orang-orang Melayu". Isi buku ini membicarakan suatu gambaran umum semasa berlakunya peperangan Perak dalam tahun 1875.¹⁰⁵

Sir William Edward Maxwell

Dia ialah hakim besar pertama negeri-negeri Selat dan kemudiannya menjadi Setiausaha Agung untuk negeri-negeri itu. Dalam tahun 1894, ia menjawat jawatan gabenor Jajahan Gold Coast (di pantai barat Afrika). Buku "Kitab Belajar Bahasa Melayu" merupakan hasil karangannya yang terkenal. Dia juga telah menulis karangan-karangan penting mengenai sejarah, undang-undang, cerita-cerita, kepercayaan dan adat-adat orang-orang Melayu yang terkumpul di dalam "Majalah Persekutuan Royal Asiatic Society Cawangan Negeri-negeri Selat".¹⁰⁶

Henry N. Ridley

Dia adalah Pengarah Taman Bunga Singapura dalam tahun 1888.¹⁰⁷ Orientalis Inggeris ini seorang pakar dalam bidang tumbuh-tumbuhan. Dia berjaya menghasilkan karya besarnya dalam lima jilid bertajuk "Tumbuh-tumbuhan Di Semenanjung Tanah Melayu". Karyanya ini menjadi rujukan penting kepada mahasiswa jabatan perhutanan sampai kini.

Sir Frank A. Swettenham

Seorang orientalis Inggeris yang banyak memegang jawatan. Ia pernah menjadi Ketua Pejabat Tanah Pulau Pinang dan berpeluang menghadiri Perjanjian Pangkor. Kemudiannya ia dilantik sebagai Penolong Residen Selangor dan pada tahun 1882 ia menjawat jawatan Residen Selangor.¹⁰⁸ Jawatan yang disandangnya selepas itu ialah Residen General Negeri-negeri Persekutuan dan akhirnya sebagai gabenor Negeri-negeri Selat.¹⁰⁹

Antara buku karyanya ialah :

1. "Peta-peta Kasar Darihal Orang Melayu."
2. "Orang Melayu Jati."
3. "Tanah Melayu Perintahan British."¹¹⁰

Sir Hugh Califord

Ia adalah gabenor Negeri-negeri Selat dan Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu.¹¹¹ Orientalis Inggeris ini berjaya menghasilkan karya-karya seperti :

1. "Dalam Istana dan Kampung".
2. "Beberapa Pemerhatian Darihal Manusia Yang Berkulit Perang".
3. "Suatu Sudut Benua Asia".

Di sana ada beberapa buah karyanya lagi yang mendedahkan suasana dan cara hidup orang Melayu.¹¹²

R. J. Wilkinson

R. J. Wilkinson ialah salah seorang orientalis Inggeris yang terkenal di Tanah Melayu. Ia pernah memegang jawatan Residen Negeri Sembilan (1911), Colonial Secretary (Setiausaha Jajahan) Negeri-negeri Selat dan akhirnya menjadi Gabenor Sierra Leon.¹¹³

R. J. Wilkinson juga banyak mengarang buku-buku mengenai Tanah Melayu di antaranya :

1. "Kamus Melayu Inggeris".
2. "Kepercayaan Orang Melayu".

Ia juga menganggotai sidang pengarang kepada buku penting bertajuk "Karangan-karangan Darihal Perkara-perkara Melayu".¹¹⁴ Buku ini amat penting dan menjadi rujukan kepada penyelidikan zaman kini.

R. O. Winstedt

Dia ialah seorang orientalis yang banyak memberi sumbangan kepada pergerakan Orientalisme. Didedahkan hampir semua hal yang berhubungan dengan Tanah Melayu kepada Barat.

Antara buku-bukunya karyanya ialah :

1. "Sejarah Negeri Johor (1932)", "Perak (1934)", "Selangor (1934)", "Negeri Sembilan (1934)", "Tanah Melayu (1936)" dan "Persuratan Melayu (1939)".
2. "Ugama Islam Di Negeri-negeri Alam Melayu" (Satu bab dalam sebuah buku bernama "Islam" (1947).
3. "Tanah Melayu Dengan Sejarahnya (1948)".
4. "Kamus Melayu-Inggeris".
5. "Kepercayaan Bomoh dan Pawang Melayu".

Di samping itu banyak lagi hasil kajiannya tentang bahasa Melayu, kesusasteraan Melayu, kepercayaan Melayu dan lain-lain lagi.¹¹⁵

Keseluruhan karya-karya orientalis Inggeris telah dimuatkan di dalam jurnal-jurnal seperti "Journal of The Straits Branch of The Royal Asiatic Society", "Journal of The Royal Asiatic Society Malayan Branch" dan "Journal of The Royal Asiatic Society Straits Branch".

Sebagai kesimpulan, perkembangan dan pergerakan Orientalisme di Malaysia bermula dari kutipan maklumat berupa kitab-kitab atau manuskrip, kemudian disusuli dengan penulisan semula atau karya-karya yang berunsurkan faham Orientalisme. Karya-karya yang berunsurkan faham Orientalisme ini akhirnya menjadi bahan rujukan dan bacaan kepada generasi baru. Sesungguhnya kita memerlukan para pengkaji yang boleh menilai semula karya-karya di atas supaya yang baik itu dijadikan panduan dan buruk itu dijadikan sempadan.

NOTA Hujung

- ¹ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dwibahasa* (Kuala Lumpur : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985). hlm: 857
- ² Joesoef Suo'yb, *Orientalisme dan Islam* (Jakarta : Bulan Bintang, 1985).
- ³ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dwibahasa* (Kuala Lumpur : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985).
- ⁴ Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dwibahasa* (Kuala Lumpur : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985). & A.S. Hornby, *Oxford Advance Learner's Dictionary of Current English*, ed. 3 (Oxford : Oxford University Press, 1974).
- ⁵ A.S. Hornby, *Oxford Advance Learner's Dictionary of Current English*, ed. 3 (Oxford : Oxford University Press, 1974).
- ⁶ Luis Ma'luf, *al-Munjid fi al-Lughah wa al-'Alam*, ed. 26 (Bayrut : Dar al-Mashriq, 1975).
- ⁷ The English-Language Institute of America, *The Living Webster Encyclopedia Dictionary of The English Language*, 2 jld. (Chicago : The English-Language Institute of America, t.th.) jld. 1.
- ⁸ A.S. Hornby, *Oxford Advance Learner's Dictionary of Current English*, ed. 3 (Oxford : Oxford University Press, 1974). & Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Dwibahasa* (Kuala Lumpur : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985).
- ⁹ Joesoef Suo'yb, *Orientalisme dan Islam* (Jakarta : Bulan Bintang, 1985).
- ¹⁰ Seorang profesor Bahasa Inggeris dalam ilmu perbandingan kesusasteraan di Universiti Columbia dan pernah mengajar di Universiti Harvard, Stanford dan Princeton. Ia telah berjaya menggoncang binaan orientalisme dengan kritiknya yang tajam dalam bukunya "Orientalisme".
- ¹¹ Edward W. Said, *Orientalisme* (Bandung : Penerbit Pustaka, 1985), hlm. 4 trj. Bahasa Indonesia oleh Asep Hikmat.
- ¹² Seorang penulis dan ahli fikir Islam yang terkenal. Ia dilahirkan di Algeria pada tahun 1905. Tulisan-tulisan beliau mengandungi kritikan keras terhadap tamadun Barat. Beliau juga banyak menyentuh masalah-masalah yang dihadapi oleh dunia Islam serta berusaha mencari penyelesaiannya. Beliau akhirnya dapat melahirkan kaedah-kaedah ke arah pembangunan ummah ketika mana mereka disclubungi oleh suasana kemunduran akibat berpanjangan kuasa penjajahan Barat. (Faihi Yakan, 1983 : 203-204).
- ¹³ Orientalis berbangsa Inggeris yang amat berbahaya kepada Islam. Bukunya yang berjudul "Dirasat Fi al-Tarikh" (Beberapa pengajian dalam sejarah) banyak mengandungi kesilapan dan penyelewengan fakta peribadi Rasulullah sallallahu alayhi wasallam dan juga Islam. Buku ini menjadi bahan rujukan utama di dunia Islam sama ada di negara Arab atau bukan Arab. (al-Bahiy, 1970 : 539).
- ¹⁴ Arnold Tonybee, *al-Islam wa al-gharb wa al-Mustaqbal*, (Bayrut : Dar al-'Arabiyyah, 1969), hlm. 5, trj. Bahasa Arab Dr. Nabil Subhi.
- ¹⁵ Al-Qadmaniyy Mahyuddin Hassan, *Safahat Min Hadir al-'Alam al-Islami* (al-Madinah al-Munawwarah : Matabi' al-Jami'ah al-Islamiyyah, 1982), hlm. 5.
- ¹⁶ Joesoef Suo'yb, *Orientalisme dan Islam* (Jakarta : Bulan Bintang, 1985).
- ¹⁷ Mahmud Hamdi Zaquq, *al-Itishraq Wa al-Khalifiyyah al-Fikriyyah Li al-Sira' al-Hadariyy* (Bayrut : Muassasah al-Risalah, 1985) hlm. 18
- ¹⁸ Al-Banna Hasan, "Da'watuna fi Taur Jadid" dalam Majmu'ah Rasail al-Imam al-Shahid Hasan al-Banna (Beirut : Mu'asasah al-Risalah, t.th.).
- ¹⁹ Seorang pensyarah di bahagian siswazah Fakulti Syariah, Universiti al-Imam Muhammad Ibn Sa'ud di Riyadh, Saudi Arabia.
- ²⁰ Al-Khatib Abdul Karim, al-Ghazwu al-Fikriyy wa Tayyarat al-Mu'adiyah Li al-Islam, dalam al-Ghazwu al-Fikriyy wa Tayyarat al-Mu'adiyah Li al-Islam (Riyadh : Matabi' Jami'ah al-Imam Muhammad ibn Sa'ud, 1984).
- ²¹ Pengarang ensiklopedia Islam terbesar yang mengandungi 10 jilid. Judul Arabnya ialah "Mausu'at Muqaddamat al-'Ulum wa al-Manahij". Jilid kelima dari ensiklopedia ini membicarakan tajuk orientalisme, Kristianisasi dan ideologi-ideologi moden. (al-Nadwi, 1985 : 70-71).
- ²² Al-Jundi Anwar, *al-Islam: Tarikh wa Hadarab* (Dar al-'I'tsam, t.th.).
- ²³ Al-Jundi Anwar, *al-Islam: Tarikh wa Hadarab* (Dar al-'I'tsam, t.th.).

- ²⁴ Malik bin Nabi, *Intaj al-Mustashriqun wa Atharuha fi al-Fikr al-Islamiyy al-Hadith* (Bayrut : Dar al-Irsyad, 1969).
- ²⁵ Mahmud Hamdi Zaquq, *al-Istisraq Wa al-Khalifiyyah al-Fikriyyah Li al-Sira' al-Hadariyy* (Bayrut : Muassasah al-Risalah, 1985) hlm. 18
- ²⁶ Arnold Tonybee, *al-Islam wa al-gharb wa al-Mustaqbal*, (Bayrut : Dar al-'Arabiyyah, 1969), hlm. 5, trj. Bahasa Arab Dr. Nabil Subhi. & Al-Jundi Anwar, *al-Islam: Tarikh wa Hadarab* (Dar al-I'tisam, t.th.).
- ²⁷ Arnold Tonybee, *al-Islam wa al-gharb wa al-Mustaqbal*, (Bayrut : Dar al-'Arabiyyah, 1969), hlm. 5, trj. Bahasa Arab Dr. Nabil Subhi.
- ²⁸ Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu* (Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1981).
- ²⁹ Kota Constantinople ini telah dibuka oleh Sultan Muhamad al-Fatih 800 tahun setelah keluarnya berita daripada Rasulullah sallallahu 'alayhi wasallam dalam persabdaannya:

إذ سئل رسول الله صلى الله عليه وسلم : أي المدينتين تفتح أولاً أنطونيوية أو رومية؟ فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم : مدينة هرقل تفتح أولاً يعني قسطنطينية.

"Ketika Rasulullah sallallahu 'alayhi wasallam ditanya: "Mana satu antara dua kota yang akan dibuka terlebih dahulu?, Adakah Kota Constantinople atau Kota Rom?". Rasulullah sallallahu 'alayhi wasallam menjawab: Kota Hiraql (Heraklius) akan dibuka lebih dahulu, iaitu kota Constantinople". Insya Allah! Pembukaan kedua akan berlaku ke atas kota Rom akan dapat mengembalikan semula umat Islam kepada sistem Khilafah. (al-Albani, 1979 : 7-8.)
- ³⁰ Brian Harrison, *Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), trj. Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ³¹ Qaysar Adib Majul, *al-Islam fi al-Sharq al-Aqsa* (t.tp, t.th.).
- ³² Al-Misri Jamil, *Hadir al-'Alam al-Islami* (al-Madinah : Matba' al-Kuliyyat al-Dakwah wa Usul al-Din, t.th.). & Al-Jundi Anwar, *al-Islam: Tarikh wa Hadarab* (Dar al-I'tisam, t.th.).
- ³³ Keazaman orang-orang Portugis ini adalah ekoran dari peristiwa di Yanbu', sebuah pelabuhan dekat kota Madinah. Pihak Portugis telah berjaya mendarat di pelabuhan ini untuk meneruskan cita-cita mereka membongkar makam Rasulullah sallallahu alayhi wasallam. Akan tetapi usaha jahat ini telah dipatahkan oleh Sultan Salim al-Uthmani dan Portugis dihalau keluar dari Hijaz. (Lihat Hadir al-Alam al-Islamiyy karangan al-Misri hlm. 29.).
- ³⁴ Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu (1400-1959)*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964), trj. ke Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ³⁵ Brian Harrison, *Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), trj. Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ³⁶ Menurut pengkaji-pengkaji Barat seperti Dr. R. Martin dan C.S. de Krock seorang penulis Belanda, tidak kurang 14 kali Aceh mengatur serangannya ke Tanah Melayu guna melemahkan kuasa Portugis. (Dr. Hamka, 1980, hlm. 574)
- ³⁷ Al-Misri Jamil, *Hadir al-'Alam al-Islami* (al-Madinah : Matba' al-Kuliyyat al-Dakwah wa Usul al-Din, t.th.). & Al-Jundi Anwar, *al-Islam: Tarikh wa Hadarab* (Dar al-I'tisam, t.th.).
- ³⁸ Brian Harrison, *Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), trj. Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ³⁹ Brian Harrison, *Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), trj. Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁴⁰ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ⁴¹ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ⁴² Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ⁴³ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ⁴⁴ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ⁴⁵ Al-Bahiy Muhammad, *al-Fikr al-Islamiyy al-Hadith wa Silatuh Bil isti'mar al-Gharbi*, ed. 5 (Bayrut: Dar al-Fikr, 1970).
- ⁴⁶ Ra'uf Shalabi, *al-Ahkam fi Arhjabil Malayu wa Manhaj Da'wah Ilayh* (t.tp, t.th.), hlm. 142.
- ⁴⁷ Wan Shamsuddin & Arena Wati, *Sejarah Tanah Melayu dan Sekitarnya (1400-1967)* (Kuala Lumpur : Penerbit Pustaka Antara, 1969).
- ⁴⁸ Al-Jundi Anwar, *al-Islam: Tarikh wa Hadarab* (Dar al-I'tisam, t.th.).

- ⁴⁹ Al-Jundi Anwar, *al-Islam: Tarikh wa Hadarah* (Dar al-I'tisam, t.th.).
- ⁵⁰ Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu* (1400-1959), (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964), trj. ke Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁵¹ Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu* (1400-1959), (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964), trj. ke Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁵² Dr. Hamka, *Sejarah Umat Islam*, ed. 3 (Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1980).
- ⁵³ Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu* (1400-1959), (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964), trj. ke Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁵⁴ Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah*, jld. 1 (Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1974), ed. 6.
- ⁵⁵ H. Aqib Suminto, *Politik Islam Hindia Belanda* (Jakarta : Penerbit LP3E5, 1985).
- ⁵⁶ K. K. Bragg, "Indonesia" dalam *Wijbat al-Islam* (al-Qahirah : al-Matba'ah al-Islamiyyah t.th.) hlm. 169, trj. Muhammad Abd al-Hadi.
- ⁵⁷ H. Aqib Suminto, *Politik Islam Hindia Belanda* (Jakarta : Penerbit LP3E5, 1985).
- ⁵⁸ Tk. H. Ismail Jakub, *Orientalisme dan Orientalisten* (Surabaya : C. V. Faizan, t.th.).
- ⁵⁹ H. Aqib Suminto, *Politik Islam Hindia Belanda* (Jakarta : Penerbit LP3E5, 1985).
- ⁶⁰ A. Muin Umar, *Orientalisme dan Studi Tentang Islam* (Jakarta : Penerbit Jakarta Bulan Bintang, 1978).
- ⁶¹ A. Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu II* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1958).
- ⁶² Tk. H. Ismail Jakub, *Orientalisme dan Orientalisten* (Surabaya : C. V. Faizan, t.th.).
- ⁶³ A. Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu II* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1958).
- ⁶⁴ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ⁶⁵ Al-Attas Syed Muhammad Naquib, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1984), ed. 3.
- ⁶⁶ Kemarahan pihak Inggeris semakin memuncak terhadap Kerajaan Islam Othmaniyyah Turki apabila meletusnya Perang Dunia Pertama. Gerakan anti British telah dilancarkan apabila terjadinya tandatangan pakatan antara Turki-German pada bulan Oktober 1914. Ejen-ejen tentera German telah menghasut orang-orang yang beragama Islam di Britain supaya memberi dan mengambil sikap tidak percaya kepada Inggeris. Di Singapura seorang saudagar Islam bernama Kassim Mansur telah ditangkap kerana menjadi ketua gerakan anti British ini. (Lihat J. Singh Jessy, 1966 : 255)
- ⁶⁷ Brian Harrison, *Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), trj. Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁶⁸ Mahmud Shaker, *Sukhan al-'Alam al-Islamiyy* (Bayrut : Mu'assasat al-Risalah, 1976).
- ⁶⁹ Syarikat Hindia Timur ini akhirnya bertukar menjadi sebuah lembaga penjajah setelah mereka dapat menguasai keseluruhan Dunia Islam.
- ⁷⁰ Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu* (1400-1959), (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964), trj. ke Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁷¹ Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu* (1400-1959), (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964), trj. ke Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁷² Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu* (1400-1959), (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964), trj. ke Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁷³ Brian Harrison, *Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), trj. Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁷⁴ Brian Harrison, *Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), trj. Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁷⁵ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ⁷⁶ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ⁷⁷ Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah*, jld. 1 (Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1974), ed. 6.
- ⁷⁸ Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah*, jld. 1 (Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1974), ed. 6.
- ⁷⁹ Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah*, jld. 1 (Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1974), ed. 6.
- ⁸⁰ Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, *Hikayat Abdullah*, jld. 1 (Kuala Lumpur : Penerbitan Pustaka Antara, 1974), ed. 6.

- ⁸¹ Thomas Newbold pernah memegang jawatan dalam tentera Inggeris di Madras. Ia menjelajah ke seluruh Tanah Arab dan Asia Minor (Sham) dan kemudiannya ia menjadi Penolong Residen di Hyderabad. Ia meninggal di Nalablishawan (India) dalam tahun 1850. (Za'ba, 1961 : 160 -161)
- ⁸² Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ⁸³ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ⁸⁴ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ⁸⁵ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ⁸⁶ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini Sejarah dan Akrab* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987).
- ⁸⁷ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ⁸⁸ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam Masa Kini Sejarah dan Akrab* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987).
- ⁸⁹ Sir Richard Windstedt, *A Praktical Modern Malay-English Dictionary* (Singapore : Marican & Sons, 1959), ed. 3.
- ⁹⁰ Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu (1400-1959)*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964), trj. ke Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁹¹ Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu (1400-1959)*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964), trj. ke Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁹² Al-Attas Syed Muhammad Naquib, *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu* (Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia, 1984), ed. 3.
- ⁹³ Fr. M. J. Pintado, "Sumber-sumber Portugis Dalam Sejarah Melaka" dalam Dokumentasi Seminar Sejarah Melayu (Diselenggara oleh Asmad Kerajaan Negeri Melaka, 1983).
- ⁹⁴ Fr. M. J. Pintado, "Sumber-sumber Portugis Dalam Sejarah Melaka" dalam Dokumentasi Seminar Sejarah Melayu (Diselenggara oleh Asmad Kerajaan Negeri Melaka, 1983).
- ⁹⁵ Brian Harrison, *Asia Tenggara Satu Sejarah Ringkas* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966), trj. Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁹⁶ Fr. M. J. Pintado, "Sumber-sumber Portugis Dalam Sejarah Melaka" dalam Dokumentasi Seminar Sejarah Melayu (Diselenggara oleh Asmad Kerajaan Negeri Melaka, 1983).
- ⁹⁷ Fr. M. J. Pintado, "Sumber-sumber Portugis Dalam Sejarah Melaka" dalam Dokumentasi Seminar Sejarah Melayu (Diselenggara oleh Asmad Kerajaan Negeri Melaka, 1983).
- ⁹⁸ A. Muin Umar, *Orientalisme dan Studi Tentang Islam* (Jakarta : Penerbit Jakarta Bulan Bintang, 1978).
- ⁹⁹ Lihat Tk. H. Ismail Jakub, *Orientalisme dan Orientalisten* (Surabaya : C. V. Faizan, t.th.).
- ¹⁰⁰ A. Muin Umar, *Orientalisme dan Studi Tentang Islam* (Jakarta : Penerbit Jakarta Bulan Bintang, 1978).
- ¹⁰¹ Joesoef Suo'yb, *Orientalisme dan Islam* (Jakarta : Bulan Bintang, 1985).
- ¹⁰² Joesoef Suo'yb, *Orientalisme dan Islam* (Jakarta : Bulan Bintang, 1985).
- ¹⁰³ Joesoef Suo'yb, *Orientalisme dan Islam* (Jakarta : Bulan Bintang, 1985).
- ¹⁰⁴ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ¹⁰⁵ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ¹⁰⁶ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ¹⁰⁷ Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu (1400-1959)*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964), trj. ke Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ¹⁰⁸ Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu (1400-1959)*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964), trj. ke Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ¹⁰⁹ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ¹¹⁰ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ¹¹¹ Joginder Singh Jessy, *Tawarikh Tanah Melayu (1400-1959)*, (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1964), trj. ke Bahasa Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ¹¹² Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ¹¹³ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ¹¹⁴ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).
- ¹¹⁵ Za'ba, *Sejarah Ringkas Tanah Melayu* (Singapura : Pustaka Melayu, 1961).